

PROGRAM JOM CUCI INSTUN 2025

17 Oktober 2025, Tanjong Malim - Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) melalui Seksyen Pentadbiran telah menganjurkan Program Jom Cuci INSTUN 2025 bertempat di Kwarters Sri Permai INSTUN.

Program yang bermula seawal jam 8.00 pagi itu dimulakan dengan sesi senamrobik dan pemanasan badan yang dikendalikan oleh Encik Shaiful Aisham. Program diteruskan dengan ucapan dan amanat daripada Tuan Pengarah INSTUN, diikuti dengan perasmian ramp dan Ruang Komuniti Kwarters INSTUN sebagai simbolik kepada usaha menjadikan kawasan tersebut sebagai ruang riadah dan interaksi komuniti warga INSTUN.

Turut diadakan ialah pemeriksaan kesihatan asas oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Muallim seperti pemeriksaan tekanan darah, bacaan gula, ujian HPV dan sebagainya bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan dalam kalangan warga kerja. Pemeran Kesihatan Denggi turut diadakan oleh pihak PKD.

Kemuncak program diserikan dengan aktiviti gotong-royong dan kitar semula yang melibatkan semua Bahagian serta penghuni kwarters. Pelaksanaan aktiviti ini bukan sahaja membersihkan kawasan persekitaran, malah menggalakkan amalan lestari melalui pengasingan bahan kitar semula.

Program turut disertai oleh wakil syarikat pelupusan barangan terpakai yang menjalankan kutipan barangan terpakai di tiga lokasi utama — Kwarters Baru, Kwarters Lama dan Wisma INSTUN.

Majlis diakhiri dengan sesi merarau di Kafeteria C, sekali gus menutup program yang penuh dengan semangat kebersamaan, kesihatan dan kebersihan ini.

Program Jom Cuci INSTUN 2025 berjaya mencapai objektif penganjuran dengan mengeratkan hubungan antara warga kerja dan penghuni kwarters di samping mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, ceria dan harmoni.



